

## SIARAN MEDIA

### **SIMPOSIUM EKONOMI PERSAINGAN – “MENINGKATKAN SILING - DASAR PERSAINGAN DAN KERANGKA EKONOMI MADANI”**

Pada 18 Januari 2024, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menganjurkan Simposium Ekonomi Persaingan dengan tema “Meningkatkan Siling - Dasar Persaingan dan Kerangka Ekonomi MADANI”. Simposium ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), YBhg. Dato’ Seri Mohd Sayuthi Bin Bakar di Renaissance Kuala Lumpur Hotel & Convention Centre, Kuala Lumpur.

Simposium separuh hari ini telah dihadiri oleh lebih 250 peserta merangkumi pegawai kerajaan, pengamal undang-undang, pakar ekonomi, ahli badan profesional, ahli institusi kewangan, ahli akademik dan pelajar. Simposium ini turut menghimpunkan barisan moderator dan ahli panel terkemuka dari Malaysia, Afrika Selatan dan Singapura, yang ditampilkan dalam dua forum perbincangan mengenai isu-isu penting berkaitan persaingan yang terkini.

Sesi pertama yang dikendalikan oleh Dr. Wan Khatina Nawawi, memfokuskan pada topik "Meningkatkan Siling dengan Menyokong Ekonomi Hijau, Inklusif dan Antarabangsa," dan menampilkan Dr. Nungsari Ahmad Radhi, Dr. Cassey Lee, En. Lip Hang Poh, dan Cik Mapato Ramokgopa sebagai ahli panel. Manakala, sesi kedua, membincangkan tentang "Melengkapkan Polisi Sedia Ada dan Mempromosikan Perkembangan Baharu dalam Agenda Transformasi Ekonomi," telah dikendalikan oleh Encik Iskandar Ismail. Ahli panel untuk sesi ini adalah Profesor Dr. Jomo Kwame Sundaram, Profesor Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad, dan Encik Ratshidaho Maphwanya.

Sesi perbincangan yang pertama mengupas tentang setahun pasca Kerangka Ekonomi MADANI yang dilihat berbeza dengan dasar-dasar ekonomi yang lalu. Perbincangan ini menekankan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan kerangka ini dan memberi tumpuan kepada peranan dasar persaingan bagi mengukuhkan kerangka ini termasuk dalam Antara fokus perbincangan dalam sesi ini adalah berkaitan pendekatan untuk memajukan pendekatan ekonomi hijau yang bersifat inklusif dan antarabangsa,

## UNTUK SIARAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI

meneroka mekanisme dasar persaingan untuk menyumbang kepada pembinaan ekonomi yang mampan, memupuk keterangkuman ekonomi, meningkatkan kedudukan Malaysia di tahap serantau dan antarabangsa serta memastikan integrasi global dalam amalan perniagaan. Ahli panel juga telah menyentuh topik berkaitan rantai nilai global dan penggabungan dan pengambilalihan rentas sempadan.

Sesi panel yang kedua pula berbincang tentang bagaimana dasar persaingan boleh melengkapkan dasar ekonomi sedia ada, termasuk dasar perindustrian, makanan dan dasar yang baharu seperti ekonomi digital. Perbincangan ini juga meneliti tentang potensi konflik dasar perindustrian dengan dasar persaingan sekalipun kedua-dua dasar ini berkongsi objektif yang sama untuk memupuk pertumbuhan ekonomi. Perbincangan ini menekankan peri penting peranan dasar persaingan dalam mencegah amalan antipersaingan dalam sektor makanan dan menggalakkan persaingan yang adil dalam kalangan perniagaan rentas sai perusahaan dan kenegaraan.

“Pembinaan Afrika Selatan yang demokratik melibatkan usaha kerjasama masyarakat awam, perniagaan, kesatuan sekerja dan kerajaan. Penglibatan aktif sektor-sektor ini, yang dibantu oleh peraturan yang jelas dan boleh diakses, pengawasan kehakiman, dan Garis Panduan Kepentingan Awam, telah berjaya memupuk transformasi, keterangkuman dan penyelesaian berkesan bagi cabaran ekonomi utama di negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat potensi untuk kemajuan selanjutnya, terutamanya dalam mempengaruhi pembaharuan dasar yang berkaitan akibat perubahan iklim dan ruang digital yang dinamik melalui dasar persaingan. Selain itu, usaha boleh diarahkan ke arah mempertingkatkan penyelarasan antarabangsa mengenai penguatkuasaan persaingan merentas pasaran. Evolusi undang-undang persaingan seharusnya mampu menangani isu ekonomi teras yang dihadapi oleh negara membangun untuk mencapai kesan yang lebihmenyeluruh”, ujar Puan Mapato Ramokgopa, Pegawai Kanan dari Suruhanjaya Persaingan Afrika Selatan (CCSA), semasa sesi beliau.

““Dalam langkah strategik untuk merangsang persaingan, kerajaan secara aktif telah mempromosikan persaingan industri, sebagaimana yang telah disaksikan pada 1990-an apabila lonjakan permintaan telah mendorong kepada pengeluaran 400 lesen untuk pembuatan produk melalui pelbagai syarikat. Malangnya, kekurangan penyelidikan dan kawalan kualiti telah mengakibatkan pengeluaran barangan yang berkualiti rendah dan

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

memberi kesan kepada reputasi industri tersebut selama hampir tiga dekad. Dalam industri lain pula, inisiatif kerajaan untuk menggalakkan persaingan melalui pengeluaran lesen membawa kepada penyatuan pasaran, dengan beberapa syarikat akhirnya bergabung untuk membentuk beberapa pemain utama", ujar Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram, Felo Kanan (Pelawat) di Khazanah Research Institute.

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada moderator, panelis dan peserta kerana terlibat dalam wacana intelektual ini, dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan mereka pada persidangan ini. Saya berharap semua pihak termasuk pegawai kerajaan, pemain industri, rakan strategik dan semua pihak berkepentingan yang telah menyumbang kepada kejayaan simposium ini akan terus bekerjasama untuk menyokong MyCC dalam mencapai visi dan misi kami," kata YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Yunus, Pengerusi MyCC.

**KUALA LUMPUR, 23 JANUARI 2024**

**-tamat-**

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [cad@mycc.gov.my](mailto:cad@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 250 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM500 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).